

## Alam Flora kumpul 150 tan sampah di Kuantan

Oleh [Mohd Rafi Mamat](#) - Ogos 4, 2024 @ 4:26pm  
[bhnews@bh.com.my](mailto:bhnews@bh.com.my)



Lebih 150 peserta pada program 'Saya Sayang Bumi–Beach Plogging' di Pantai Pelindung -  
Foto NSTP/Mohd Rafi Mamat

KUANTAN: Alam Flora Sdn Bhd (Alam Flora) berjaya mengumpul lebih 150 tan pelbagai jenis sampah menerusi program mengutip sampah di daerah ini sejak program berkenaan diadakan tahun lalu.

Timbalan Pengurus Besar Operasi Alam Flora, Raja Kamal Azizol Raja Ibrahim, berkata jumlah itu membabitkan 300 program diadakan yang membabitkan komuniti setempat, penuntut dan agensi kerajaan serta swasta.

Katanya, aktiviti mengutip sampah atau 'plogging' diadakan bagi tujuan memulihara sumber alam semula jadi selain dapat memupuk rasa tanggungjawab sivik masyarakat terhadap kawasan masing-masing.

Menurutnya, amalan menjaga kebersihan di kawasan rekreasi agar sentiasa bersih dan menarik telah lama diamalkan di Jepun dan beberapa negara Eropah yang terkenal dengan amalan murni itu.

"Tidak bermakna memiliki kawasan rekreasi yang menarik dengan pelbagai kemudahan disediakan, sekiranya pengunjung dan masyarakat setempat tidak menjaga kebersihan.

"Sampah perlulah dibuang dalam tong sampah, dengan cara itu dapat mengekalkan kebersihan dan keindahan sesuatu tempat. Sentiasa menjaga kebersihan, tabiat mulia yang perlu dipupuk dalam kalangan rakyat negara ini," katanya pada program 'Saya Sayang Bumi–Beach Plogging' di Pantai Pelindung (Surrvilla), di sini semalam.

Yang turut hadir, Pengarah SWCorp Pahang, Sharudin Hamid dan Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif Alam Flora, Badrulhisyam Fauzi.

Seramai 150 peserta terdiri daripada komuniti setempat, penuntut UNITAR Kolej Kuantan, University Kolej Yayasan Pahang serta kakitangan Alam Flora dan SWCorp turut sama menyertai program kali pertama diadakan di kawasan berkenaan.

Pada program itu turut diadakan aktiviti menanam 20 pokok spesies ru laut, ketapang dan bintangor laut dipesisir pantai yang disumbang oleh Jabatan Perhutanan Negeri Pahang (JPNP).



Badrulhisyam dan Shrudin H(kiri) menanam pokok bintangor laut pada program 'Saya Sayang Bumi–Beach Plogging' di Pantai Pelindung. -Foto NSTP/Mohd Rafi Mamat

Kamal Azizol berkata, program mengutip sampah yang diadakan membuktikan komitmen dan sokongan berterusan Alam Flora bagi mencapai matlamat kerajaan dalam mengurangkan 40 peratus sisa kitar semula yang dihantar ke tapak pelupusan menjelang 2025.

Katanya, program mengutip sampah di kawasan Pantai Pelindung (Surrawilla) yang kini semakin terkenal selepas adanya mural 'penyu gergasi', mempromosikan kelestarian alam sekitar dan mewujudkan persekitaran lebih bersih dan sihat dalam kawasan rekreasi popular dalam kalangan masyarakat setempat.

Pada program itu, sukarelawan berjoging dan berjalan sambil mengutip sampah di sepanjang Pantai Pelindung yang sentiasa menjadi tumpuan orang ramai.

Aktiviti membersihkan persekitaran dapat menggalakkan komuniti lebih bertanggungjawab terhadap mengekalkan keseimbangan ekologi alam sekitar. .

"Kita akan terus mengadakan program mengutip sampah secara gotong-royong dengan kerjasama pelbagai pihak, pada masa akan datang dalam memastikan tempat menarik di negeri terus bersih dan menjadi tumpuan pengunjung," katanya.